

ARC2021 Ke-7 secara maya 8 Julai hingga 10 Ogos

BINTULU: Konvensyen Tahunan Kejuruteraan Pertanian Serantau ASEAN (ARC2021) Kali Ke-7 secara maya akan berlangsung dari 8 Julai hingga 10 Ogos khusus untuk pelajar dalam bidang kejuruteraan atau teknologi pertanian dan makanan pelbagai negara ASEAN.

Konvensyen antarabangsa ini dikendalikan Jabatan Sains dan Teknologi, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains (FKPS) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE).

UPMKB dalam kenyataan berkata, konvensyen tersebut merupakan pertandingan inovasi menyelesaikan masalah dalam bidang pertanian dan makanan.

“Konvensyen ini juga menyasarkan penyertaan pelajar dalam bidang kejuruteraan atau teknologi pertanian dan makanan pelbagai negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei,” tambah kenyataan itu semalam.

Justeru katanya, para pelajar berkaitan digesa merebut peluang menyertai ARC2021 ini dengan mendaftar di laman sesawang <http://arc2021.upm.edu.my/> atau terus ke pautan pendaftaran di <https://forms.gle/4qtrS5qibMrcFoAT6>



MARI SERTA! Tiga pakar yang akan menyampaikan ucap terna pada penutupan Konvensyen Tahunan Kejuruteraan Pertanian Serantau ASEAN Kali Ke-7.

dan penyertaan program ini akan ditutup pada 14 Julai.

Kenyataan itu menjelaskan sehingga 7 Julai 2021, sebanyak 87 kumpulan telah diterima penyertaan mereka dari lima negara yang disenaraikan tersebut.

Katanya, tiga kategori pertandingan diketengahkan dalam konvensyen ini iaitu poster, video hasil penyelidikan dan video pembinaan model bagi memenuhi tema program ‘Kemajuan Revolusi Industri 4.0 Untuk Kemampanan Pertanian dan Keselamatan Makanan’.

Selain itu katanya, para peserta juga berpeluang menerbitkan hasil kajian atau idea mereka secara bertulis dengan mengikut format

‘abstrak yang dipanjangkan’ dalam prosiding elektronik oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Katanya, yuran penyertaan yang dikenakan untuk setiap peserta sangat berpatutan iaitu RM50 bagi satu kumpulan penyertaan dari Malaysia.

“Manakala bagi kumpulan penyertaan dari luar negara iaitu Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei, yuran penyertaan adalah sebanyak AS\$25 untuk satu kumpulan,” ujarnya.

Beliau berkata, para peserta dengan jumlah maksimum tiga orang dan dua pensyarah atau penyelidik dalam satu kumpulan juga dapat menyertainya dengan

maksimum dua kategori pertandingan yang telah ditawarkan.

“Konvensyen secara maya ini akan melabuhkan tirainya pada 10 Ogos 2021 dengan majlis penutupan akan melibatkan acara ucap terna oleh tiga pakar dalam bidang masing-masing, dua perkongsian oleh pihak industri dan pengumuman pemenang setiap kategori pertandingan,” katanya.

Tambahnya, maklumat lanjut boleh didapati daripada poster ARC2021 dan sebarang pertanyaan hubungi Pengerusi 7th ARC2021 Gs. Dr Wan Nor Zanariah Zainol@Abdullah melalui e-mel wnzz@upm.edu.my.